

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Sasar RM10b nilai potensi pelaburan di Expo 2020 Dubai</u>	Berita Harian Online	Klik pada tajuk berita
2.	<u>RM10b potensi pelaburan Expo 2020 Dubai/ Sasar pelaburan RM10b menerusi Ekspo 2020 Dubai</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1
3.	<u>M'sia to target RM10bil investment value in Expo 2020 Dubai</u>	The Star Online	Klik pada tajuk berita
4.	<u>M'sia aims to rake in RM10bil from 2020 Dubai Expo</u>	New Straits Times Online	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Malaysia eyes potential investments worth RM10bil from expo 2020 Dubai / Malaysia eyes investments worth RM10bil from Dubai expo</u>	The Star	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2
6.	<u>Malaysian government cracks down on unlicensed recyclers</u>	Recycling Today	Klik pada tajuk berita
7.	<u>PH tetap mahu pindahkan pusat pelupusan sisa toksik</u>	Utusan Malaysia Online	Klik pada tajuk berita
8.	<u>2019 SHELL ECO-MARATHON ASIA FLAGGED OFF AT SEPANG</u>	Overdrive.in	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Bina rumah tepi sungai tidak digalakkan</u>	Berita Harian Online	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Yeo: Malaysia hopes to rake in RM10bil in Dubai expo next year</u>	The Star	Klik pada tajuk berita / Rujuk

			lampiran 3
11.	<u>Nothing much PBS can do for Sandakan residents after failed promises, says minister</u>	The Malaymail Online	Klik pada tajuk berita
12.	<u>SC cautiously optimistic of higher sukuk issuance in 2019</u>	New Straits Times Online	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Universities, industry players to join forces for IR 4.0</u>	The Malaymail Online	Klik pada tajuk berita
14.	<u>JAS kawal semua loji pengolahan kumbahan / JAS tingkat pengawasan loji kumbahan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 4
15.	<u>Tiada lagi kediaman boleh dibina di tepi sungai - Dr Xavier</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Jawatankuasa Bertindak Kecemasan Khas pantau projek PIP P. Pinang</u>	Utusan Malaysia Online	Klik pada tajuk berita
17.	<u>724 masjid dan surau terima sumbangan Ramadan RM8.65 juta</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Gas ammonia disyaki punca pekerja kapal maut, kritikal</u>	Berita Harian Online	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Better outlook seen for Kim Loong on renewable energy</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Amend laws for harsher penalties against polluters</u>	New Straits Times Online	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Terengganu setuju bina bangunan, rumah hadap sungai</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 5

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
22.	<u>MGA's natural gas industry wide collaboration supports Govt commitment</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Bantu sungai kita kembali bernafas</u>	Berita Harian Online	Klik pada tajuk berita
24.	<u>UTM kaji sungai tercemar di Johor / Permaisuri Johor mahu UTM kaji sungai tercemar</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 6
25.	<u>SOP kunci kelestarian perlombongan bauksit</u>	Utusan Malaysia Online	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Green energy can help us avoid another Chernobyl nuke disaster</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 7
27.	<u>Jangan takut STEM</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 8
28.	<u>TNB ceburi perniagaan gentian optic</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 9
29.	<u>UTM perlu bantu atasi pencemaran sungai</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 10
30.	<u>Sungai terus tercemar</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 11

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
31.	<u>Duterte warns to dump garbage on Canada after the Philippines gets treated like trash</u>	Sea.mashable.com	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 24
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)



YEO (tengah) bersama Timbalan Ketua Misi UAE ke-Malaysia Nallofer Al Bastaki (tiga dari kanan) selepas sidang media semalam.

Putrajaya: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menyasarkan nilai potensi dan pelaburan lebih RM10 bilion menerusi penyertaan dalam Ekspo 2020 Dubai.

Menterinya, Yeo Bee Yin berkata, ekspo berlangsung enam bulan itu bermula Oktober 2020 hingga April 2021 di Pusat Pameran Dubai yang berkeluasan 4.38 kilometer persegi.

Beliau berkata, ekspo berkenaan dibahagikan kepada 10 kluster iaitu pendidikan, belia dan usahawan tekno, perdagangan, Revolusi Perindustrian 4.0 dan perkilangan pintar, sains, teknologi,

inovasi dan alam sekitar, kelestarian minyak sawit, wana, pelancongan dan kebudayaan, pertanian; e-dagang dan teknologi komunikasi dan industri halal serta perbankan Islam.

"Nilai potensi dan pelaburan disasarkan itu hasil kerjasama strategik dalam urusan pengkomersialan perniagaan dan pemeteraian perjanjian persefahaman.

"Kami juga menyasarkan 200 penyertaan tempatan dalam ekspo ini khususnya daripada kerajaan negeri,

agensi kerajaan, swasta dan korporat," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, pihaknya kini mengumpul dana dan penajaan RM60 juta bagi menampung pameran pelaburan di ekspo berkenaan.

Yeo berkata, Pavilion Malaysia kali ini berkonsepkan jenama *The Butterfly Effect* yang menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara kecil namun mempunyai potensi besar dari segi pelaburan.

Agensi pelaksana bagi Ekspo 2020 Dubai adalah Malaysia Green Technology Corporation (MGTC).

Ekspo berkenaan disertai 192 negara dan menyasarkan kunjungan pelawat 135,000 sehari (hari biasa) serta 250,000 sehari (acara khas).

Terdahulu, MESTECC menerima penajaan tunai RM250,000 daripada syarikat Helios Photovoltaic Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat menyediakan sistem penyelesaian tenaga bersih di Asia Tenggara.

Sasar pelaburan RM10b menerusi Ekspo 2020 Dubai

LAMPIRAN 2
THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 5
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

Malaysia eyes investments worth RM10bil from Dubai expo

PUTRAJAYA: Malaysia aims to achieve RM10bil worth of potential investments and businesses from Expo 2020 Dubai, said Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin.

She said Malaysia has targeted to secure 1,000 business leads and achieve 20 partnership agreements during the six-month long expo.

"The RM10bil potential investments would be the result of strategic alliances in business leads and signing of mutual agreements," she told a press conference here.

Also present was United Arab Emirates Deputy Head of Mission to Malaysia, Nailofer Al Bastaki.

On the potential investments, Yeo said it would depend on private sector participation in the six clusters but definitely clean energy and green industry would be one of the biggest focus.

The six clusters are sustainable agricultural and primary commodities; energy, science, technology and innovation and environment; cultural and tourism; e-commerce and information and communications technology, trade and industry 4.0; and education, women and youth.

"We have over 200 slots for local companies from both the public and private sectors to showcase their wares and solutions to the world via the Expo 2020 Dubai," Yeo

said. She said about RM60mil would be spent to participate in the expo with the cost mostly sponsored by the private sector.

"Expo 2020 Dubai would be the largest platform for Malaysia to share its vision, aspirations, culture and heritage to the world," she added.

Yeo also called for Malaysian companies to participate in the open tender for the design and concept of the Malaysia Pavilion in the expo.

She said the pavilion will launch its brand campaign "Butterfly Effect" soon, adding that this represented Malaysia as a small country but able to cause large effects in the world.

"We also hope our local talents could use their creativity to design the pavilion to make Malaysia shine in the expo which will be attended by 190 countries," she added.

At the event, Yeo also received the first cash sponsorship pledge of RM250,000 from Helios Photovoltaic Sdn Bhd, a successful Malaysian company which specialises in the provision of clean energy solutions both locally and in Southeast Asia.

The six-month long Expo 2020 Dubai will held from Oct 20, 2020 to April 10, 2021 in Dubai.

Themed "Connecting Minds, Creating the Future", the event is expected to attract 25 million visitors. — Bernama

LAMPIRAN 3
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

Yeo: Malaysia hopes to rake in RM10bil in Dubai expo next year

PUTRAJAYA: Malaysia will take part in the World Expo in Dubai, United Arab Emirates next year, with the Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry set to lead the country's delegation.

Its Minister Yeo Bee Yin said Malaysia is hoping to attract more than RM10bil in business and investment through strategic alliances and mutual agreements at the expo.

"We are also targeting 20 Memorandum of Understandings (MoU) or Partnership Agreements among our participating companies during the expo.

"In addition, we are also looking to attract one million visitors to the Malaysia Pavilion, receive 20 delegations from other participating countries and to attract over 5,000 participants at our programmes," said Yeo at a press conference here to announce Malaysia's participation at the expo.

The World Expo, where countries showcase their achievements in various sectors, will be held at the Dubai Exhibition Centre from October 2020 to April 2021.

Malaysia is among 192 countries that have confirmed their participation at the expo,

which is themed "Connecting Minds, Creating the Future".

Yeo urged local companies from both the private and public sector to participate in the expo and fill up the 200 available slots at the expo.

The minister added the cost of participating at the expo is about RM60mil, with at least half being borne by corporations and sponsorships.

"We do not want corporations to just sponsor for the sake of sponsoring. We want them to also come on board and use this opportunity to showcase their products to the world at the expo," said Yeo.

At the event, Yeo also received the first sponsorship of RM250,000 from local clean energy firm Helios Photovoltaic Sdn Bhd.

The Malaysian Pavilion will be themed "Energising Sustainability", with its brand campaign to be called "The Butterfly Effect".

The Butterfly Effect, a continuation from Malaysia's participation at the Expo 2017 in Astana, Kazakhstan, is meant to portray Malaysia as a small nation with the potential to cause large effects in other places.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

JAS tingkat pengawasan loji kumbahan

➔ Kawalan liputi loji dikelola kerajaan negeri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan melaksanakan tindakan pengawasan ke atas semua loji pengolahan kumbahan diselia kerajaan negeri atau yang baharu supaya mematuhi had pelepasan ditetapkan.

Dalam satu kenyataan, JAS berkata, kawalan itu membabitkan lokasi kumbahan dan air basuhan dari restoran, pusat basuhan kereta serta pasar basah seperti keperluan menyediakan *grease trap* dan semua air basuhan disalurkan kepada loji rawatan berpusat.

Katanya, kawalan juga membatikan perancangan terperinci termasuk bagi projek pembangunan baharu supaya menyalurkan kumbahan melalui sistem rawatan kumbahan mekanikal berteknologi tinggi secara integrasi.

Pertingkat penguatkuasaan

"Ini termasuk mengambil kira beban pencemar dibenarkan ke dalam sungai *Total Maximum Daily Load* (TMDL) dalam semua kelulusan cadangan projek.

"JAS akan memastikan semua

punca pencemaran terkandung di bawah kawalan dan undang-undang JAS akan ditingkatkan lagi penguatkuasaannya," katanya.

Kenyataan JAS itu sebagai maklum balas terhadap laporan *BH* kelmarin yang mendedahkan ketiadaan usaha menyelamatkan dan memulihkan lebih 20 sungai mengalami pencemaran Kelas Tiga sejak 2017, bakal mengganggu sumber air negara.

JAS juga memohon tindakan dan usaha bersepadu agensi dipertanggungjawabkan ke atas penjagaan sungai kerana kawalan kepada kualiti air sungai ini membabitkan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan.

"Bidang kuasa JAS terhad kepada ruang lingkup dinyatakan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kawalan secara pencegahan de-

ngan memastikan punca yang memasuki sungai dikawal dan boleh dicapai dengan pelaksanaan TMDL. Banyak negara maju berjaya mengembalikan sungai yang dahulunya tercemar dengan menggunakan pendekatan ini," katanya.

Mengenai laporan *BH* itu, JAS

berkata, pihaknya maklum keadaan 24 sungai seluruh negara dikategorikan dalam Kelas 3 sejak 2017, memandangkan ia menjadi tanggungjawab agensi itu melaporkan status kualiti air sungai seluruh negara menerusi Laporan Kualiti Alam Sekitar (EQR) setiap tahun.



Keratan *BH* kelmarin.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

Terengganu setuju bina bangunan, rumah hadap sungai

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri bersetuju melaksanakan pembinaan bangunan dan kediaman baharu menghadap sungai dalam usaha memastikan sumber air dan persekitaran bersih tanpa pencemaran seperti dicadangkan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**.

Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata walaupun tiada peraturan dan enakmen mewajibkan pembinaan bangunan

dan kediaman baharu menghadap sungai, kerajaan negeri bersetuju mengambil pendekatan disaran-kan JAS itu.

Cadangan boleh dikuat kuasa
Beliau berkata, cadangan bagi memastikan sumber air dan persekitaran bersih tanpa sebarang pencemaran itu logik dan boleh dikuatkuasakan.

"Kajian secara menyeluruh perlu dilakukan sebelum dilaksanakan

sepenuhnya," katanya selepas mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) negeri, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas gesaan mewajibkan semua pembinaan bangunan dan perumahan baharu menghadap kawasan sungai dalam usaha memastikan sumber air dan persekitaran bersih tanpa pencemaran.

Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim dilaporkan berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran merancang membina bangunan menghadap sungai bagi membantu masyarakat membentuk sikap menghargai apa yang berada di depan mereka.

Ahmad Samsuri berkata, kerajaan negeri sudah melakukan projek menambak tebing Sungai

Terengganu yang menempatkan kediaman penduduk di Kampung Cina, di sini, kira-kira 15 tahun lalu.

Katanya, sebelum tebing sungai itu ditambah, kebanyakan bahagian belakang kediaman penduduk di kampung itu menghadap sungai.

"Kawasan itu kini dikenali Pulau Warisan dan menjadi tumpuan utama pelancong dari dalam dan luar negara," katanya.

LAMPIRAN 6
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

Permaisuri Johor mahu UTM kaji sungai tercemar

Johor Bahru: Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah mahu kepakaran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dimanfaatkan bagi membantu membuat kajian lebih terperinci berhubung sungai tercemar di negeri ini.

Baginda bertitah, semua pihak perlu dapat bersama-sama mempertahankan kebersihan sungai yang juga sumber utama minuman dan keperluan harian, selain menjadi tempat habitat bagi haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Ambil berat kebajikan rakyat
"Pencemaran air dan udara di Pasir Gudang perkara serius yang perlu ditangani segera, malah saya turut dimaklumkan sungai lain di negeri ini turut menerima nasib sama.

"Tuanku Sultan Johor dan saya amat mengambil berat hal kebajikan dan kesejahteraan rakyat di Jo-

hor," titah baginda berucap pada Majlis Konvokesyen UTM Ke-62, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar.

Pada majlis itu, seramai 1,757 graduan diraikan, selain tiga tokoh negara mendapat anugerah profesor emeritus dan graduan sulung Sarjana Bahasa dalam Komunikasi dan Budaya Digital.

Baginda bertitah, segulung ijazah yang diterima sebenarnya bermakna kepada graduan.

"Pembangunan dan masa depan negara kita ini akan dicorak, dipimpin dan diteruskan legasinya berdasarkan ilmu dipelajari dan diperolehi.

"Saya juga berharap graduan tidak sesekali melupakan jasa ibu bapa yang banyak berkorban dalam memastikan graduan berjaya sehingga tamat pengajian," titah baginda.



[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN /BH]

Raja Zarith Sofiah menyampaikan anugerah Ijazah Doktor Falsafah kepada Ruzimi Mohamed@Mahmood pada majlis Konvokesyen UTM Ke-62 di Johor Bahru, semalam.

LAMPIRAN 7
NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 52
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

ENERGY CONSERVATION

Green energy can help us avoid another Chernobyl nuke disaster

LEST we forget Chernobyl, April 26 is designated by the United Nations (UN) as International Chernobyl Disaster Remembrance Day.

Not many young people know much about the catastrophic nuclear disaster that occurred at the Chernobyl Nuclear Power Plant, near the now-abandoned town of Pripyat, Ukraine, on April 25 and 26, 1986.

The incident involved a core meltdown (a malfunction in a nuclear reactor in which the fuel overheats and melts the reactor

core or shielding) that released radioactivity to its surroundings: Ukraine, Belarus, the Russian Federation, parts of Scandinavia and Europe.

The World Health Organisation estimates nearly 4,000 more fatalities in the next 20 to 30 years and thousands more contracting thyroid and other types of cancer as a result of contamination by radioactive material spewed into the air, water and soil.

What triggered the Chernobyl explosion was not immediately

known as the then Soviet Union was isolated from the rest of the world and its nuclear programme was shrouded in secrecy.

Only years later, when the Soviet Union sought international assistance to deal with the aftermath of the tragedy, did the UN establish that a combination of a deliberate experiment, outdated, badly-designed reactors and human error caused the disaster.

All that enabled other nuclear power facilities to build in sufficient safeguards, or so they

thought, until the disaster at the Fukushima Daiichi nuclear power plant in Japan on March 11, 2011.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's continued rejection of building a nuclear power plant in Malaysia and focus on energy conservation and environmentally-friendly renewable energy are in the right direction.

Even the United States is unable to plan for every contingency, including safe and speedy disposal of nuclear waste, and

regulate the nuclear industry to ensure the safety of the public.

For decades, it has been clear that renewable energy is needed to replace nuclear and fossil fuel energy sources.

The solution is to disavow both of these forms of energy and to move to a global energy plan based on renewable energy, such as solar cells, wind, geothermal, ocean thermal, currents and tides.

RUEBEN DUDLEY

Petaling Jaya, Selangor

LAMPIRAN 8
UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 20
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

Jangan takut STEM

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini, seorang guru meluahkan kebimbangan dengan kesan buruk pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang akan menyebabkan pemikiran pelajar menjadi tertutup dan berfikir secara logik sahaja.

Perlu guru fahami, keempat-empat bidang utama dalam STEM bukanlah subjek baharu terutamanya Sains dan Matematik. Ia telah wujud berkurun lamanya dari 1300 Sebelum Masihi dengan bukti penemuan aktiviti Matematik di China. Malah, banyak ilmu tersebut telah ditulis dalam kitab rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran.

Ilmu tersebut terus berkembang dengan pembangunan teknologi hasil penemuan konsep cahaya oleh ahli sains, Albert Einstein sehingga ke era serba digital sekarang ini.

Oleh itu, tidak tepat untuk mendakwa STEM menutup pemikiran pelajar. Ini kerana tujuan utama pendidikan STEM adalah untuk membolehkan pelajar berfikir di luar kotak, berdaya saing, berimajinasi dan berinovasi dengan menggunakan teknologi terkini.

Peribadi dan akhlak adalah



PENDIDIKAN STEM tidak akan menyebabkan pemikiran pelajar menjadi tertutup dan berfikir secara logik sahaja. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

didikan di rumah dan persekitaran. STEM hanyalah satu cabang ilmu pengetahuan.

Ciri-ciri watak yang terhasil adalah kecenderungan berinovasi dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah. Setiap cabang ilmu akan mendidik ciri-ciri watak yang bersesuaian.

Sesungguhnya sahabat Nabi Muhammad SAW, Saidina Ali Abi Talib pernah berkata bahawa manusia yang berdagang dengan ilmu maka ilmunya akan bertambah tetapi apabila manusia berdagang dengan harta maka hartanya semakin

berkurang.

Berusahalah kita dalam mendalami setiap ilmu yang terbentang luas dan mencari kebaikan dalam ilmu-ilmu tersebut. Apatah lagi sebagai guru dan pensyarah, kita perlu berganding bahu untuk memberikan yang terbaik.

Bukan sahaja mendidik ilmu pengetahuan mengikut silibus, kita juga tidak harus berputus asa dalam membentuk keperibadian pelajar.

DR. ARNI MUNIRA MARKOM
UiTM Kampus Pasir Gudang

LAMPIRAN 9
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 37
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)

TNB ceburi perniagaan gentian optik

■ KUALA LUMPUR 29 APRIL

TENAGA Nasional Bhd (TNB) bersedia menerokai perniagaan kesalinghubungan yang menyediakan infrastruktur gentian optik bagi jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) berikutan kejayaan projek perintis Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) di Jasin, Melaka.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, TNB melihat wujud potensi dalam perniagaan kesalinghubungan dan mempertimbangkan secara berhati-hati untuk menceburi bidang ini.

"Kami cukup bersedia untuk mengambil bahagian pada tahap tertentu dalam bidang-bidang terpilih bagi inisiatif kesalinghubungan untuk kelajuan jalur lebar.

"Kejayaan di Jasin menunjukkan selagi akses daripada pihak ketiga tidak dibenarkan untuk melampaui titik tertentu dalam infrastruktur grid, ia sudah cukup baik bagi mencerminkan jaminan dalam keselamatan," katanya kepada *Bernama*.



TENAGA NASIONAL

Better. Brighter.

Beliau berkata, berdasarkan kepada projek perintis itu, sokongan daripada kerajaan amat diperlukan jika syarikat mahu memasang infrastruktur gentian optik di kawasan luar bandar berikutan pelaburan yang diperlukan agak besar.

"Jika kami ingin menceburi bidang-bidang yang serupa itu (Jasin), kami perlu berbincang dengan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, syarikat juga menyaksikan beberapa kelompangan dalam kawasan bandar yang kekurangan akses internet berkelajuan tinggi di mana TNB boleh memainkan peranan tanpa membebankan kerajaan.

Selain itu, beliau berkata, sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, TNB perlu memikirkan pulangan daripada pelaburan dalam perniagaan kesalinghubungan.



LEO MOGGIE

"Kalau kami mahu menceburi bidang ini, perniagaan tersebut harus berbaloi kepada TNB," katanya.


Katanya, disebabkan perniagaan itu memerlukan kepakaran yang berbeza daripada perniagaan terasnya iaitu bekalan elektrik, syarikat juga perlu mempertimbangkan keupayaan sumber manusia untuk menguruskan perniagaan tersebut.

Projek perintis NFCP membolehkan tiga kawasan kediaman yang terdiri daripada 1,100 isi rumah untuk menikmati kelajuan internet yang mencecah 1Gbps pada harga berpatutan melalui pakej-pakej perkhidmatan jalur lebar yang ditawarkan oleh lapan pemberi perkhidmatan sedia ada.

Leo Moggie ketika bercakap mengenai perkembangan lain memberitahu, TNB sedang membangunkan ibu pejabatnya di Bangsar kepada ibu pejabat bergaya kampus yang dilengkapi dengan pusat Islam, dewan konsyen, pejabat persatuan dan pusat interaktif untuk tenaga elektrik.

Katanya, ibu pejabat baharu ini dirancang untuk mempunyai suasana gaya kampus dengan persekitaran hijau seperti sebuah taman bagi keselesaan kakitangan. - BERNAMA

LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 43
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)



RAJA ZARITH SOFIAH SULTAN IDRIS SHAH menyampaikan anugerah Ijazah Doktor Falsafah Sains Komputer kepada Dr. Ruzimi Mohamed@Mahmood dalam Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia Ke-62 di Skudai, Johor, semalam.

UTM perlu bantu atasi pencemaran sungai

Oleh NURUL HUDA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 29 APRIL

PERMAISURI Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berharap Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dapat menggunakan segala kepakaran yang dimiliki untuk membuat kajian lebih terperinci terhadap sungai tercemar di negeri ini.

Beliau yang juga Canselor UTM bertitah, ini bagi memastikan sumber utama minuman serta keperluan harian terpelihara selain menjadi habitat bagi haiwan dan tumbuh-tumbuhan berada dalam keadaan bersih serta selamat untuk menjalankan pelbagai aktiviti.

Titah baginda, seperti dike-

tahui baru-baru ini, Johor ditimpa musibah akibat perbuatan individu tidak bertanggungjawab yang mencemarkan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang sehingga menyebabkan sebahagian besar penduduk termasuk pelajar sekolah menerima kesan buruk.

"Pencemaran air serta udara di Pasir Gudang itu merupakan perkara serius yang perlu ditangani, malah saya turut mendapat maklumat bahawa sungai lain di negeri ini turut menerima nasib yang sama dan perkara itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

"Oleh itu, saya menyeru supaya kita dapat bersama-sama mempertahankan kebersihan sungai yang merupakan sumber utama antara lain bagi minu-

man serta keperluan harian. Sesungguhnya muafakat itu berkat dan cintailah alam sekitar kita," titah baginda dalam Majlis Konvokesyen UTM Ke-62 di sini hari ini.

Seramai 1,757 graduan menerima kelulusan masing-masing yang membolehkan peringkat ijazah doktor falsafah (227), ijazah sarjana (741), ijazah sarjana muda (741) dan diploma (48).

Raja Zarith bertitah, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar amat mengambil berat akan hal kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Sementara itu, baginda mengingatkan para graduan supaya tidak melupakan jasa ibu bapa yang banyak berkorban dalam memastikan kejayaan kepada mereka.

LAMPIRAN 11
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 30 APRIL 2019 (SELASA)



Kerja korek pasir jejas pendapatan nelayan

Sungai terus tercemar

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR
kota@utusangroup.com.my

■ ALOR GAJAH 29 APRIL

KEADAAN beberapa batang sungai di negeri ini semakin membimbangkan kerana masalah pencemaran akibat projek yang dilaksanakan atas nama pembangunan.

Bukan sahaja sungai di lokasi pelancongan malah ada antara sungai di negeri ini yang menjadi punca pendapatan nelayan terjejas disebabkan pembangunan di sekitar kawasan terbabit.

Tinjauan Utusan Malaysia baru-baru ini mendapati Sungai Linggi yang memisahkan antara Melaka dan Negeri Sembilan

"Dilema yang ditanggung nelayan kini telah ditambah pula dengan dugaan baharu apabila terdapat sebuah projek mendalamkan dasar sungai dijalankan di sekitar sungai itu."

NELAYAN bukan sahaja tercemar dengan sampah sarap yang hanyut, malah keadaan air sungai dilihat semakin membimbangkan akibat kerja-kerja pengorekan pasir dijalankan sejak sebulan lalu.

Seorang nelayan yang ditemui berkata, permukaan sungai yang dipenuhi sampah sarap itu menjejaskan punca pendapatan nelayan kawasan berkenaan.

Lebih membimbangkan apabila air mula pasang dan surut sampah akan hanyut seterusnya terkumpul di perairan itu.

Menurutnya, dilema yang ditanggung nelayan kini telah ditambah pula dengan dugaan baharu apabila terdapat sebuah projek mendalamkan dasar sungai dijalankan di sekitar sungai itu.

Ujarnya, kerja-kerja mendalamkan dasar sungai yang menggunakan jentera bagi mengorek pasir dari dasar sungai dan akan dikomersialkan bagi tujuan jualan dan pembinaan di sekitar kawasan terbabit.

Berdasarkan pemerhatian, dua buah jentera diletakkan di sekitar sungai itu malah ada antaranya diletakkan di tengah



➤ **PENDAPATAN** nelayan terjejas sejak kerja-kerja mendalamkan dasar sungai di sekitar Sungai Linggi sejak sebulan lalu.

➤ **AIR** sungai yang dahulunya jernih bertukar kemerahan sejak projek pengorekan pasir dilakukan.

sungai berkenaan sekali gus mengakibatkan laluan keluar masuk bot nelayan di situ terhad dan menjadikan ianya begitu sempit.

Menurut nelayan itu lagi, warna air sungai di kawasan tersebut turut berubah kemerahan akibat projek yang dijalankan kesan karat daripada jentera pengorek pasir yang beroperasi di atas permukaan sungai.

"Sampah lain seperti plastik dan botol itu umpama perkara biasa bagi nelayan di sini."

"Ini diburukkan lagi dengan sampah seperti rumput yang dipotong daripada projek pertanian berdekatan dan juga tunggul kayu hanyut yang akan merosakkan pukat nelayan apabila sampah ini tersangkut pada pukat tersebut."

"Kalau hujan lebat, air pasang besar, sampah ini akan ha-

nyut dari Sungai Linggi, Sungai Pengkalan Kempas, dan Sungai Rembau dan seterusnya ke hilir sungai sehingga ke sekitar Tanjung Agas," katanya.

Sungai yang dijadikan pelbagai sumber oleh negara ini merupakan khazanah yang perlu dipelihara dan dikekalkan untuk kegunaan generasi akan datang.

Namun, perkara ini dilihat masih di takuk lama dan perlu ada kesedaran dan perancangan bagi mengelakkan pencemaran yang menjejaskan ekosistem dan habitat semula jadi sungai.



KERJA-KERJA mengorek pasir giat dilaksanakan di tebing Sungai Linggi, Melaka.

